

27/02/2000

Kedah tidak calon Ku Li

Hassan Omar

SINTOK: Umno Kedah yakin semua 15 bahagian di negeri itu tidak akan mencalonkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah bertanding jawatan Presiden atau Timbalan Presiden Umno pada pemilihan parti Mei ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata, keyakinan itu berdasarkan persetujuan semua ketua bahagian pada beberapa mesyuarat sebelum ini untuk mematuhi keputusan Majlis Tertinggi (MT).

Syed Razak yang juga Menteri Besar berkata, beliau yakin ketua bahagian berpegang kepada janji mereka pada mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri sebelum ini untuk akur kepada keputusan MT.

Sambil menegaskan Umno negeri mengambil kira pandangan ketua bahagian, Syed Razak berkata, beliau sudah menyampaikan mesej mengenai keputusan MT kepada semua ketua bahagian dan mereka berjanji bersetuju dengan keputusan berkenaan.

"Saya yakin kepada ketua bahagian yang bersetuju supaya kepemimpinan Umno mengikut format yang ditentukan MT. Saya telah sampaikan mesej ini kepada pemimpin bahagian dan mereka berjanji bersetuju kepada keputusan MT.

"Ini dipanggil disiplin dalam parti. Saya berterima kasih kepada ketua bahagian. Itulah keyakinan kita. Kepemimpinan... dipegang kepada janji. Kita ada kepemimpinan yang begitu baik kerana mereka (ketua bahagian) ada jawatan tinggi dalam kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan majlis pengkisahan semula sejarah `Sintok: Darurat di Kedah' anjuran Arkib Negara dan Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini semalam.

Pada majlis itu, tiga anak jati Kedah - Syed Shahil Syed Muhamad, 77; Ahmad Ariffin, 73; dan Som Awang, 73 - menceritakan pengalaman masing-masing ketika hidup pada zaman Parti Komunis Malaya (PKM) mengganas sekitar 1950-an dan 1960-an.

Syed Razak yang ditanya mengenai kemungkinan ada ketua bahagian tidak mampu menahan desakan ahli Umno peringkat akar umbi untuk mencalonkan Tengku Razaleigh bertanding, berkata:

"Saya dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri dan diterima oleh MT. Ketua bahagian tidak ragu-ragu untuk menyokong pandangan atau cadangan saya.

"Saya yakin ketua cawangan akan akur kepada pandangan ketua bahagian kerana mereka yang memilih ketua bahagian."

Pada 3 Januari lalu, MT membuat keputusan supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan, iaitu mengekalkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan memberi peluang kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menduduki kerusi Timbalan Presiden tanpa dicabar.

Pada 20 Februari, Tengku Razaleigh mencadangkan supaya pemilihan ke Perhimpunan Agung Umno dan pemilihan calon bagi semua jawatan pada peringkat pusat dilakukan secara sulit.

Menurut Tengku Razaleigh, melalui undian sulit, setiap ahli Umno mampu mengambil bahagian dalam proses pemilihan tanpa berasa takut dan terdedah kepada sebarang ugutan.

Selain itu, beliau turut mencadangkan pengiraan undi pada pemilihan parti dilakukan di tempat yang sama pengundian dibuat serta disiarkan secara langsung melalui televisyen bagi menjamin ketelusan.

